Pendakwa Raya lwn NCK Aluminium Extrusion Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–10 TAHUN 2001
MOHD GHAZALI H
15 MEI 2002

Acara Jenayah *— Hukuman — Penambahan hukuman — Sama ada hakim telah memberikan pertimbangan sewajarnya kepada tujuan Akta, kepentingan awam dan latarbelakang kes dalam menjatuhkan hukuman*

Penentang telah dituduh di Mahkamah Sesyen di bawah s 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ('Akta tersebut') dan dihukum di bawah s 25(3) Akta tersebut. Penentang didapati telah melepaskan cecair ke dalam perairan daratan di mana kandungannya melebihi kepekatan yang ditentukan di bawah s 21 Akta tersebut serta peraturan 8(1)(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian 1979. Contoh buangan cecair yang dilepaskan ke perairan daratan telah diperiksa oleh ahli kimia dari Jabatan Kimia Malaysia untuk penganalisaan. Laporan telah menunjukkan bahawa pelepasan contoh buangan cecair itu telah melebihi piawai B, Jadual Ketiga di bawah peraturan tersebut dan telah menyebabkan pencemaran kepada perairan daratan. Pihak penentang telah mengemukakan rayuan sebelum hukuman dijatuhkan oleh hakim perbicaraan di mana di antaranya adalah ia merupakan kesalahan pertama, dan bahan-bahan yang salah yang ditemui adalah pada tahap minima. Di samping ini, pihak penentang menyatakan tindakan sewajarnya telah diambil untuk memperbaiki keadaan bahan pembuangan. Mahkamah perbicaraan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM5,000 walaupun hakim perbicaraan telah bersetuju bahawa kesalahan itu adalah serius. Walau bagaimanapun beliau mendapati bahawa pihak penentang ada berusaha mematuhi undang-undang dan insaf terhadap kesalahan yang dilakukan. Pihak perayu telah membuat rayuan terhadap keputusan tersebut dan hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah rendah. Perayu menyatakan bahawa hakim tidak mengambil kira semua isu yang terlibat terutamanya kesan terhadap alam sekeliling dan hidupan lain. Oleh itu, perayu telah merayu agar hukuman tersebut diketepikan dan digantikan dengan hukuman yang lebih sesuai dengan kesalahan.

Diputuskan, membenarkan rayuan tersebut, mengenepikan dan menggantikan hukuman yang lebih berat:

(1) Hakim mahkamah rendah telah membuat taksiran yang salah dan beliau telah gagal mengkaji tujuan Akta tersebut. Akta tersebut diluluskan dengan tujuan untuk mencegah dan mengawal pencemaran. Mahkamah berpendapat, perhatian tidak diberi kepada tujuan Akta, jenis kesalahan, latarbelakang kes dan sikap

pihak penentang yang boleh didapati dari fakta dan keterangan yang dikemukakan. Mahkamah rayuan mengkehendaki pertimbangan sewajarnya diberikan kepada kepentingan awam di dalam kesalahan seperti ini. Hakim perbicaraan telah terlalu memberi pertimbangan kepada pengakuan salah pihak penentang berbanding kepentingan awam (lihat ms 102B, 103A–C); *Joginder Singh lwn PP* [1984] 2 MLJ 133 diikut.

(2) Fakta-fakta yang telah dikemukakan tidak menyokong pendapat hakim perbicaraan bahawa pihak penentang berniat untuk mengatasi masalah mereka dengan mengambil tindakan sewajarnya. Mahkamah Rayuan mendapati sikap pihak penentang terhadap Akta tersebut ialah jangan mempedulikan s 25(1) Akta tersebut sehinggalah tindakan penguatkuasaan diambil. Setelah tindakan penguatkuasaan diambil barulah penentang membuat permohonan untuk lesen yang diwajibkan di bawah Akta tersebut (lihat ms 104A, D–E).

(3) Hakim perbicaraan telah gagal memberikan pertimbangan sewajarnya kepada tujuan Akta, kepentingan awam dan latarbelakang kes ini dalam menjatuhkan hukuman. Beliau telah memakai prinsip-prinsip yang salah. Mahkamah rayuan sedar tentang prinsip bahawa ia tidak seharusnya campurtangan atau mengacau hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah rendah. Walau bagaimanapun kesalahan ini adalah serius dan bagi mencegah kesalahan seperti ini hukuman yang lebih berat perlu dijatuhkan (lihat ms 104F–G, 105A); *PP lwn Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200 tidak diikut.]

[English summary

The respondent has been charged in the session court under s 25(1) of the Environmental Quality Act 1974 ('the Act') and sentenced under s 25(3) of the Act. The respondent was found to have released liquid into the inland waters whereby its content exceeds the concentration stipulated under s 21 of the Act and r 8(1)(b) Environmental Quality Regulations (Sewage and Industrial Effluents 1979.) A sample of the liquid discharge released into the inland waters has been examined by chemist from the Malaysian Chemistry Department for analysis. A report shows that the released sample liquid discharge exceeds standard B, Schedule Three under the said regulation and had caused pollution to inland waters. The respondent submitted their appeal before sentence was imposed by the trial judge whereby, inter alia, that it was a first offence, and the wrongful material found is at a minimum level. In addition, the respondent states that appropriate action has been taken to remedy the situation in respect of the material being discharge. The trial court imposed a penalty sentence in the form of a fine of RM5,000 even though the trial judge agrees that the offence is serious. However, he observed that the respondent did make efforts on his part to observe the law and

regretted the offence committed. The respondent appealed against the said decision and the sentence imposed by the lower court. The appellant states that the judge did not take into account all issues involved in particular the effect of the offence on the environment and other living being. Hence, the appellant pleaded that the said sentence be set aside and be substituted with a more appropriate sentence suitable with the offence committed.

Held, allowing the said appeal, setting aside and substituting with a heavier sentence:

(1) The lower court judge made an erroneous assessment and he failed to study the purpose of the Act. The Act was approved with the purpose of preventing and controlling pollution. The court is of the opinion that attention was not given to the purpose of the Act, the type of offence, the background of the case and the attitude of the respondent which is in the facts and evidence forwarded. The appellate court wants an appropriate consideration be given to public interest in an offence such as this. The trial judge had given more emphasis on the misconduct of the respondent compared to public interest (see pp 102B, 103A–C); *Joginder Singh lwn PP* [1984] 2 MLJ 133 is followed.

(2) The facts submitted is not in support of the trial judge's opinion that the respondent intends to overcome their own problem by taking appropriate action. The appellate court found that the respondent's attitude against the Act is to ignore s 25(1) of the Act until enforcement action is taken against them. Only upon the said action by the enforcement did the respondent make application for a license that is compulsory under the Act (see p 104A, D–E).

(3) The trial judgment failed to give appropriate consideration to the purpose of the Act, public interest and the background of the case in imposing sentence. He applied the wrong principles. The appellate court is aware of the principles that it should not interfere in the sentence imposed by the lower court. However, this offence is serious and to prevent offences such as this a heavier sentence should be imposed (see pp 104F–G, 105A); *PP lwn Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200 not followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penambahan hukuman, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 3599–3600.

Kes-kes yang dirujuk

Joginder Singh lwn PP [1984] 2 MLJ 133 (diikut)
PP lwn Mohamed Nor & Ors [1985] 2 MLJ 200 (tidak diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ss 21, 25(1), (3)
Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian 1979 peraturan 8(1)(b)

Azamuddin Abd Aziz (Deputy Public Prosecutor) for the prosecution.
J Appukuttan (*SK Yeoh & Partners*) for the accused.

Mohd Ghazali H: Penentang, sebuah syarikat tempatan, telah dituduh di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur dengan kesalahan di bawah s 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan boleh dihukum di bawah s 25(3) Akta yang sama ('Akta tersebut'). Pertuduhan terhadap penentang adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 29 Mac 2000, jam lebih kurang 10.25 pagi bertempat di premis NCK Aluminium Extrusion Sdn Bhd, Lot 46A, 1st Floor, Wisma NCK, Batu $3^1/_2$, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur, didapati tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di bawah s 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan 1996) telah melepaskan buangan cecair ke dalam perairan daratan di mana kandungannya melebihi kepekatan yang ditentukan di bawah s 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dibaca bersama Peraturan 8(1)(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 iaitu:
>
> (i) pepejal terampai yang mempunyai kepekatan sebanyak 1200mg/l iaitu melebihi had piawai 100mg/l yang ditetapkan;
>
> (ii) nikel yang mempunyai kepekatan sebanyak 1.2mg/l iaitu melebihi had piawai 1mg/l yang ditetapkan;
>
> (iii) nilai pH sebanyak 4.0 iaitu tidak mematuhi had piawai 5.5 hingga 9.0 yang ditetapkan.
>
> Dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 25(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan boleh dihukum di bawah s 25(3) Akta yang sama.

Pada 11 Mei 2001, apabila kes dipanggil di hadapan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('hakim perbicaraan'), penentang telah mengaku salah terhadap pertuduhan itu. Fakta kes yang dikemukakan adalah seperti berikut:

(1) Pada 29 Mac 2000, jam lebih kurang 9.45am hingga 10.45am, beberapa pegawai Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan pemeriksaan ke atas premis penentang di Lot 46A, Wisma NCK, Batu $3^1/_2$, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur yang merupakan sebuah kilang yang menjalankan kerja-kerja 'aluminium extrusion'. Semasa pemeriksaan dijalankan, kilang itu sedang beroperasi.

(2) Seorang pegawai jabatan itu telah mengambil lima botol contoh buangan cecair yang dilepaskan ke dalam perairan daratan pada takat pelepasan terakhir dan setelah menandakan contoh-contoh itu telah menyerahkannya kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk penganalisan.

(3) Laporan Jabatan Kimia Malaysia bertarikh 26 April 2000 menunjukkan bahawa pelepasan buangan cecair itu mengandungi:

(i) pepejal terampai yang mempunyai kepekatan sebanyak 1200mg/l, iaitu, melebihi had piawai 100mg/l yang ditetapkan;

(ii) nikel yang mempunyai kepekatan sebanyak 1.2mg/l, iaitu, melebihi had piawai 1mg/l yang ditetapkan; dan

(iii) nilai pH sebanyak 4.0, iaitu, tidak mematuhi had piawai 5.5 hingga 9.0 yang ditetapkan.

Ketiga-tiga parameter seperti diturunkan di atas melebihi Piawai B, Jadual Ketiga di bawah Peraturan 8(1)(b) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 ('peraturan-peraturan itu') dan telah menyebabkan pencemaran kepada perairan daratan. Rekod Jabatan Alam Sekitar menunjukkan bahawa premis pihak penentang itu tidak memiliki lesen di bawah s 25(1) Akta tersebut untuk melepaskan buangan cecair ke dalam perairan daratan dengan kandungannya melebihi kepekatan yang ditentukan di bawah Peraturan 8(1)(b) peraturan-peraturan itu.

Antara rayuan yang dikemukakan oleh pihak penentang sebelum hukuman dijatuhkan oleh hakim perbicaraan adalah ini merupakan kesalahan pertama dan bahan-bahan salah yang ditemui adalah pada tahap yang minima. Pihak penentang juga telah dipertuduhan kerana melepaskan barangan berjadual berkaitan bahan yang sama di mana kes telah dikompaun. Pihak penentang kemudian menyatakan tindakan sewajarnya telah diambil untuk memperbaiki keadaan pembuangan bahan. Di samping itu, mereka telah diberi tempoh sehingga bulan November 2000 untuk memperbaiki keadaan.

Dalam hujahnya di hadapan hakim perbicaraan, pihak perayu menegaskan kandungan bahan pepejal yang didapati dalam contoh air itu adalah tinggi dan nilai pHnya juga tinggi. Ini menunjukkan kewujudan asiditi yang tinggi dan mencemarkan alam sekeliling. Pihak itu menyatakan pihak penentang telah diarahkan untuk memperbaiki sistem pembersih air buangan kilang itu pada 18 November 1997 tetapi sehingga tarikh kesalahan, iaitu, 29 Mac 2000 tidak membuat sebarang pembinaan walaupun dua tahun telah berlalu. Pihak perayu mendesakkan kesalahan adalah serius. Denda maksima yang diperuntukkan di bawah s 25(3) Akta itu telah ditingkatkan dari RM10,000 ke RM100,000 berkuatkuasa pada tahun 1996.

Pihak penentang kemudian menjawab mereka telah diberi kebenaran dari Jabatan Alam Sekitar sehingga 15 November 2000 untuk siapkan binaan itu. Mengenai ini, pihak perayu menegaskan permohonan itu hanya dibuat selepas tarikh kesalahan, iaitu, 29 Mac 2000.

Hakim perbicaraan telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM5,000 ke atas pihak penentang dan terhadap keputusan itu pihak perayu telah merayu ke Mahkamah Tinggi. Dalam alasan penghakimannya, hakim perbicaraan bersetuju bahawa kesalahan ini adalah serius. Walau bagaimanapun ia 'membenarkan mitigasi yang dikemukakan' kerana ia mendapati pihak penentang ada berusaha mematuhi undang-undang. Ia menyata ia 'tertarik' dengan rayuan pihak penentang bahawa pihak itu telah diberi tempoh sehingga bulan November 2000 untuk memperbaiki sistem buangan kilangnya. Ia mendapati tarikh kesalahan adalah 29 Mac 2000 dan ini bermakna tertuduh masih mempunyai tempoh masa yang panjang yang

dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk memperbaiki sistem itu. Hakim perbicaraan itu kemudiannya mengulas:

> Pihak pendakwaan menyatakan permohonan untuk membaiki ini telah dibuat selepas tarikh kesalahan, tetapi pada pendapat saya, tidak kira bila permohonan dibuat apa yang jelas adalah tertuduh telah diberi tempoh begitu lama untuk membaiki sistem pembuangan mereka. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa dari pandangan Jabatan Alam Sekitar kesalahan tertuduh tidak begitu serius yang memerlukan tindakan serta merta.
>
> Pada pendapat saya juga, tindakan tertuduh meminta masa untuk membaiki sistem buangan mereka menunjukkan mereka berniat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah mereka. Tindakan ini menunjukkan keinsafan mereka terhadap kesalahan yang dilakukan dan mahkamah harus mengiktiraf perkara ini.
>
> Berdasarkan faktor ini saya dapati denda RM5,000 adalah memadai sebagai hukuman.

Pihak perayu telah mendasarkan petisyen rayuannya atas, antara lain, alasan-alasan berikut:

(i) hakim perbicaraan tidak mengambil kira kesan pencemaran ke atas alam sekeliling dan hidupan lain;

(ii) hakim perbicaraan tidak mengambil kira bahawa pihak penentang diarahkan menyediakan sistem pengolahan effluen semenjak 18 November 1987 dan sehingga kes ini, tidak berbuat demikian;

(iii) hakim perbicaraan tidak mengambil kira bahawa permohonan untuk kebenaran bertulis hanya dibuat oleh pihak penentang selepas tarikh kesalahan;

(iv) hakim perbicaraan tidak menimbangkan kesan deteran sama ada ke atas pihak penentang atau pihak lain semasa menjatuhkan hukuman;

(v) dalam menjatuhkan hukuman, hakim perbicaraan terlalu memberi pertimbangan kepada pengakuan salah pihak penentang, berbanding kepentingan awam.

Oleh itu, perayu merayu agar hukuman tersebut diketepikan dan digantikan dengan hukuman yang lebih bersesuaian dengan kesalahan.

Di peringkat rayuan, setelah mendengar hujah kedua-dua pihak, saya telah ketepikan hukuman denda sebanyak RM5,000 itu dan menggantikannya dengan denda RM90,000. Pihak penentang tidak berpuas hati dengan hukuman itu dan telah merayu ke Mahkamah Rayuan dan kini saya memberikan alasan-alasan kenapa saya telah berbuat demikian.

Seksyen 25(1) Akta itu berbunyi:

> Melainkan jika dilesen, tiada seorang pun boleh mengeluar, melepas atau meletakkan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliiing, pencemar atau buangan ke dalam mana-mana perairan daratan dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan dibawah s 21.

Seksyen 25(3) Akta itu memperuntukkan, antara lain, seseorang yang melanggar sub-s (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.

Dalam alasan penghakimannya, hakim perbicaraan bersetuju kesalahan ini adalah kesalahan serius. Walau bagaimanapun beliau mendapati tarikh kesalahan adalah 29 Mac 2000, tetapi, memandangkan pihak penentang ada berusaha untuk mematuhi undang-undang dan diberi sehingga bulan November 2000 untuk memperbaiki sistem buangan kilangnya oleh Jabatan Alam Sekitar, ini secara tidak langsung menunjukkan dari pandangan jabatan itu, kesalahan ini tidak begitu serius yang memerlukan tindakan serta merta.

Saya berpendapat hakim perbicaraan telah membuat taksiran yang salah. Beliau telah gagal mengkaji tujuan Akta tersebut. Di samping itu, beliau telah membuat anggapan yang salah apabila beliau menyatakan pada pandangan Jabatan Alam Sekitar, kesalahan tidak begitu serius yang memerlukan tindakan serta merta. Saya berpendapat hakim perbicaraan telah mengambil kira perkara-perkara yang kecil atau remeh-temeh apabila beliau menjatuhkan hukuman tanpa memberi perhatian kepada tujuan Akta, jenis kesalahan, latar belakang kes dan juga sikap pihak penentang yang boleh didapati dari fakta dan keterangan yang dikemukakan. Keterangan yang dikemukakan menunjukkan pihak penentang telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 2 Oktober 1985, dan jenis perniagaannya adalah mengeluarkan barang-barang aluminium ('manufacturing of aluminium products'). Alamat perniagaannya di mana kilangnya juga terletak adalah di Lot 46A, Section 92A, Batu $3^1/_2$, Jalan Sungei Besi, Kuala Lumpur. Pihak penentang, selaku pengeluar barang-barang aluminium telah dituduh, tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling, melepaskan buangan cecair ke dalam perairan daratan di mana kandungannya melebihi kepekatan yang ditentukan di bawah s 21 Akta tersebut.

Seksyen 2 Akta tersebut mentafsirkan 'buangan' termasuklah apa-apa benda yang ditetapkan sebagai buangan terjadual, atau apa-apa benda sama ada dalam bentuk pepejal, separuh pepejal, atau cecair, atau dalam bentuk gas atau wap yang dilepaskan, dikeluarkan atau diletakkan dalam alam sekeliling dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran. Seksyen yang sama itu mentafsirkan 'perairan daratan' ertinya apa-apa takungan, kolam, tasik, sungai, anak sungai, tali air, parit, mata air atau telaga, atau mana-mana bahagian laut di atas tikas air rendah di sepanjang pantai, atau mana-mana badan dengan permukaan semulajadi atau buatan yang lain atau subpermukaan air.

Tujuan Akta tersebut, menurut mukadimmahnya, adalah untuk:

> ... mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling, dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

Seksyen 2 Akta tersebut, antara lain, memperuntukkan:

> 'alam sekeliling' ertinya faktor-faktor fizikal bagi kawasan di sekeliling manusia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi bagi binatang-binatang dan tumbuh-tumbuhan dan faktor-faktor sosial astetika;

Apa yang jelas adalah Akta tersebut diluluskan dengan tujuan mencegah dan mengawal pencemaran. Seksyen 2 Akta tersebut memperuntukkan 'pencemaran' ertinya apa-apa perubahan langsung atau tidak langsung kepada sifat-sifat fizikal, haba, kimia atau biologi mana-mana bahagian alam sekeliling dengan melepaskan, mengeluarkan atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan-buangan hingga menjejaskan apa-apa kegunaan berfaedah, menyebabkan suatu keadaan yang berbahaya atau mungkin merbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam, atau kepada binatang, burung, hidupan liar, ikan atau hidupan dalam air, atau kepada tumbuh-tumbuhan atau menyebabkan suatu pelanggaran terhadap apa-apa syarat, had atau sekatan yang dikenakan ke atas sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta ini. Saya menyimpulkan apa yang perlu diberi pertimbangan sewajarnya dalam kesalahan seperti ini ialah kepentingan awam. Dalam kes *Joginder Singh v PP* [1984] 2 MLJ 133, Ajaib Singh H berkata (di ms 140):

> On the question of sentence, the courts invariably take certain factors into consideration, the first and foremost being the public interest. Then, the age of the offender, his health, his character and background, the nature of the offence and the circumstances and the manner in which the offence is committed. The courts are duty bound to consider all these matters before deciding upon a suitable sentence. On an appeal on sentence from the subordinate courts therefore the High Court will not interfere with the sentence imposed unless it can be shown to its satisfaction that in the circumstances of the particular case, the sentence was manifestly excessive or inadequate, or that in fixing the sentence, the subordinate court had failed to adequately consider all relevant factors either for or against the offender.

Saya bersependapat dengan desakan pihak perayu bahawa hakim perbicaraan tidak mengambil kira kesan pencemaran ke atas alam sekeliling dan hidupan lain tetapi telah terlalu memberi pertimbangan kepada pengakuan salah pihak penentang berbanding kepentingan awam. Pihak penentang telah ditubuhkan pada 2 Oktober 1985. Fakta yang terdapat tidak menggambarkan tarikh kilang pihak penentang telah mulakan operasinya. Apa yang dimaklumkan oleh pihak perayu kepada hakim perbicaraan dalam hujahnya ialah pihak penentang telah diarahkan oleh jabatan itu untuk menyediakan sistem pengolahan effluen semenjak 18 November 1997 dan sehingga tarikh kesalahan, iaitu, 29 Mac 2000, tidak berbuat demikian. Rekod jabatan itu menunjukkan pihak penentang tidak mempunyai sebarang lesen di bawah s 25(1) Akta tersebut. Permohonan untuk perlanjutan masa bagi mematuhi arahan jabatan itu hanya dibuat selepas tarikh kesalahan. Fakta-fakta ini tidak dipertikaikan oleh pihak penentang.

Pada saya, fakta-fakta yang dibincangkan kini menggambarkan sikap pihak penentang yang mana tidak menyokong pendapat hakim perbicaraan bahawa 'tindakan tertuduh meminta masa untuk membaiki sistem buangan mereka menunjukkan mereka berniat untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah mereka' dan bahawa 'tindakan ini menunjukkan keinsafan mereka terhadap kesalahan yang dilakukan dan mahkamah harus mengiktiraf perkara ini'. Saya tidak dapat mengesan

bagaimana latar belakang dan fakta-fakta yang terdapat boleh memberi gambaran sedemikian. Pihak penentang telah diberi arahan untuk menyediakan sistem pengolahan effluen semenjak 18 November 1997 dan sehingga tarikh kesalahan ini, iaitu, 29 Mac 2000 tidak berbuat demikian. Pada saya, fakta-fakta ini tidak dapat menyokong pendapat hakim perbicaraan seperti dibincang kini, iaitu, pihak penentang berniat untuk mengatasi masalah mereka dan telah insaf. Pihak penentang sedar semenjak 18 November 1997 mereka perlu mengambil tindakan sewajarnya seperti diarahkan oleh jabatan itu dan mereka akan memerlukan lesen di bawah s 25(1) Akta tersebut jika mereka ingin melepaskan apa-apa buangan ke dalam mana-mana perairan daratan dengan melanggar syarat-syarat yang boleh diterima yang ditentukan di bawah s 21 Akta yang sama. Pada bacaan saya, pihak penentang tidak mengendahkan arahan jabatan itu sehingga mereka didapati melakukan kesalahan. Pihak penentang hanya mula bercadang untuk mengambil tindakan susulan selepas tarikh kesalahan dan sementara itu membuat permohonan supaya masa dilanjutkan sehingga November 2000 bagi mereka mematuhi arahan jabatan itu yang telah diberi semenjak 18 November 1997. Pada saya, ini menggambarkan sikap pihak penentang terhadap Akta tersebut yang bertujuan, antara lain, untuk mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling demi kepentingan awam, iaitu, jangan mempedulikan keperluan s 25(1) Akta tersebut tentang keperluan lesen sehingga tindakan penguatkuasaan diambil dan setelah tindakan sedemikian diambil, buat permohonan untuk diberi masa bagi tindakan susulan bagi mematuhi kehendak itu. Dalam erti kata lain, lakukan kesalahan sehingga tindakan undang-undang diambil dan barulah membuat permohonan untuk lesen yang diwajibkan.

Dalam keadaan yang dibincangkan di atas, saya bersependapat dengan pendirian pihak perayu bahawa dalam menjatuhkan hukuman, hakim perbicaraan terlalu memberi pertimbangan kepada pengakuan salah pihak penentang berbanding kepentingan awam. Kesalahan dilakukan oleh sebuah syarikat dan bukan orang sebenar ('natural person'). Pada saya, hakim perbicaraan gagal memberikan pertimbangan sewajarnya kepada tujuan Akta, kepentingan awam dan latar belakang kes sebelum menjatuhkan hukuman. Dalam erti kata lain, beliau telah memakai prinsip-prinsip yang salah apabila beliau menjatuhkan hukuman denda RM5,000 itu. Mengenai hukuman, saya sedar tentang prinsip bahawa mahkamah rayuan tidak seharusnya campur tangan atau mengacau hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah di bawah seperti telah dinyatakan oleh Abdul Hamid CJ (Malaya) dalam kes *PP v Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200 di ms 202:

> ... it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere or disturb a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances. And the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence.

Walau bagaimanapun, dalam kes di hadapan saya ini, saya berpendapat hakim perbicaraan telah memakai prinsip yang salah dan telah memberi

pertimbangan kepada perkara-perkara yang kecil dan remeh-temeh apabila beliau menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM5,000 itu dan dengan jelas tidak mengambil kira kepentingan awam dan juga tujuan Akta itu vis-a-vis alam sekeliling. Saya mendapati kesalahan ini adalah serius dan berpendapat bagi mencegah kesalahan seperti ini, hukuman yang lebih berat perlu dijatuhkan. Oleh itu, saya telah mengenepikan denda RM5,000 itu yang dijatuhkan oleh hakim perbicaraan dan menggantikannya dengan denda RM90,000.

Rayuan dibenarkan, hukuman diketepikan dan digantikan dengan yang lebih berat.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin